

**PENILAIAN MODUL LATIHAN 7 LANGKAH KEPULIHAN DALAM PENAGIHAN  
(7 STEPS RECOVERY IN ADDICTION MODUL : 7-SRA) KE ATAS KOMUNITI  
AFTERCARE: ASPEK KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Mohamad Isa Amat, Muhammad Khairi Mahyuddin, Khairunneezam Mohd Noor,  
Mohd Rushdan Mohd Jailani, Mohd Zohdi Mohd Amin, Roslee Ahmad,  
Ku Suhaila Ku Johari & Nurfarhah Mohd Najib

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan (*7 Steps Recovery in Addiction Modul : 7-SRA*) terhadap klien beragama Islam dalam menjalankan program *aftercare* tentang motivasi perubahan tingkahlaku, modal kepulihan dan psikologi amalan dalam Islam. Proses penilaian Modul 7-SRA diberikan kepada tiga orang panel bagi menentukan kesahan modul manakala penilaian kebolehpercayaan modul melibatkan soal selidik yang mengandungi 60 item berdasarkan objektif aktiviti diberikan kepada 30 orang klien Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Tampin. Analisis dari pandangan pakar menjelaskan bahawa modul yang dibangunkan mempunyai kesahan yang tinggi iaitu mempunyai aras penguasaan sebanyak (92 %) manakala dapatan kajian penilaian kebolehpercayaan adalah tinggi dengan nilai pekali alfa Cronbach (0.98). Modul yang dibangunkan ini diharapkan dapat dijadikan salah satu alternatif kepada klien *aftercare* untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan berterusan yang benar-benar dapat memberi kesan positif kepada diri mereka.

Kata kunci: kesahan; kebolehpercayaan; modul; 7-SRA; Psiko-spiritual Islam

Correspondence:

**MOHAMAD ISA AMAT**

Asian Centre for Research on Drug Abuse (ACREDA), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

Email: isaamat@usim.edu.my

**1.0 Latar Belakang Kajian**

Pada masa ini, masalah penyalahgunaan dadah sebenarnya diiktiraf sebagai salah satu ancaman terbesar kepada negara. Keseriusan masalah ketagihan dadah di Malaysia menunjukkan peningkatan kadar penagih berulang (relaps) iaitu dari sejumlah 30,844 penagih dadah yang telah didaftarkan di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2016, seramai 22, 923 dilaporkan adalah penagih dadah baru dan 7,921 adalah penagih berulang (relaps) (Jadual 1.1). Melalui statistik tersebut, 80 peratus adalah mereka yang berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Ini dapat dilihat melalui statistik jumlah penagih dadah berbangsa Melayu berbanding kaum lain adalah sangat tinggi. Pada tahun 2015 sahaja seramai 21,335 orang terlibat dengan penagihan dadah berbanding bangsa Cina seramai 2,117 orang dan diikuti India seramai 2,113 orang. Pada tahun 2016 bangsa Melayu turut mendominasi statistik penagihan dadah negara (Jadual 1.2)

Jadual 1.1: Bilangan penagih dadah baru dan berulang tahun 2016

	<b>Jumlah</b>		<b>Purata</b>	
	Bilangan	%	Bulan	Hari
Penagih Baru	22,923	74.32	1,910	64
Penagih berulang	7,921	25.68	660	22
<b>Jumlah</b>	<b>30,844</b>	<b>100</b>	<b>2,570</b>	<b>86</b>

(Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017 )

Jadual 1.2: Bilangan penagih dadah mengikut bangsa

<b>Tahun</b>	<b>Bangsa Melayu</b>	<b>Bangsa Cina</b>	<b>Bangsa India</b>
2015	21,3352	2117	2113
2016	24,9012	2182	2428
Jumlah	46,2364	4299	4541

(Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017 )

Penagihan berulang (relaps) adalah suatu kesinambungan kepada ketagihan dan merupakan satu cabaran yang berat buat bekas penagih dadah walaupun sudah bertahun meninggalkan tabiat penagihan dadah. Pelbagai pendekatan telah digunakan sebagai usaha untuk mengatasi pemulihan dadah melalui pendekatan berasaskan pembuktian (Evidence Based Practice – EBP) diantaranya termasuklah Therapeutic Community (TC), Psychosocial Approach, pendekatan kognitif dan tingkahlaku (CBT) selain daripada terapi keagamaan antaranya program halaqah dan program adaptasi 12 langkah (12 step facilitation). Pendekatan Pemulihan Spiritual Islam (ISRA) mula diperkenalkan dalam institusi di Malaysia oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2015 bermula di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Sungai Ruan dan mula diperkenalkan di CCRC yang lain seperti CCRC Perlok, CCNC Serendah dan CCRC Tiang Dua. Pada Februari 2017, mantan Menteri Dalam Negeri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menekankan kepentingan intervensi keagamaan dan rohani sebagai salah satu rawatan untuk memerangi isu ketagihan dadah sebagai tindakan pelengkap kepada rawatan konvensional dan saintifik semasa yang sedia ada (Astro Awani, 2017).

Pusat rawatan dan pemulihan dadah berasaskan kepada keagamaan seperti agama Islam dan agama lain telah dilaksanakan di Malaysia oleh beberapa pusat rawatan dan pemulihan dadah yang dikendalikan oleh pihak kerajaan, swasta, orang perseorangan, badan bukan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Rawatan ini pada umumnya lebih banyak menekankan kepada aspek memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan asas-asas ibadah dalam agama Islam serta penerapan nilai-nilai mulia yang berasaskan kepada pengajaran Agama (Rushdan & Ahmad, 2015). Beberapa pusat rawatan persendirian yang menggunakan terapi psiko-spiritual adalah seperti (1) Pusat Rawatan Dadah Tradisional Darul Hanan Kelantan (2) Pondok Remaja Inabah di Terengganu dan Kedah (3) Pusat Rawatan Cahaya Petunjuk Kedah (4) Pusat Rawatan dan Pemulihan Darul Islah (5) Rumah Sahabat (6) Rumah Penawar di Selangor (7) Jabat Sufi Perak (8) Bakti Kasih di Johor (9) Pusat Rawatan dan Pemulihan (PPIM) Kuala Lumpur dan (10) Baitul Taubah, Pasir Puteh.

Walau bagaimanapun, kepelbagaian pusat pemulihan yang menggunakan pendekatan agama dan kerohanian bergantung kepada teologi dan falsafah semata-mata kerana masih tidak mempunyai kajian empirikal yang menyokong kepada keberkesanan rawatan (Raiya & Pargament, 2011; Amin Al Haadi et al., 2016). Selain itu juga, kekurangan penyelidikan dalam ruang lingkup penggunaan modul yang menggunakan psikospiritual Islam masih tidak banyak dilakukan di dalam negara dan juga di luar negara. Dalam pengertian ini, terdapat keperluan mendalam untuk menunjukkan data empirikal dalam mengesahkan keberkesanan pendekatan kerohanian dalam rawatan ketagihan dadah. Oleh itu, Program Pemulihan 7- Langkah Kepulihan (7-SRA) telah dimulakan dan dibangunkan oleh Abdul Halim dan Muhammad Khairi (2014) dalam meneroka potensi kecerdasan rohani dalam bidang rawatan dadah. Lanjutan dari itu, Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan (*7 Steps Recovery in Addiction Modul : 7-SRA*) dibangunkan bagi merujuk kepada satu kaedah latihan rawatan berstruktur yang menggunakan agama Islam sebagai asas kepada perjalanan kepulihan bagi klien yang menjalani program penjagaan lanjutan (*aftercare*) dengan dilakukan kajian kesahan dan kebolehpercayaan modul.

## **2.0 Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan tahap kesahan dan kebolehpercayaan modul 7-SRA. Apabila sesuatu alat ujian yang tidak memenuhi kriteria kesahan dan kebolehpercayaan maka boleh dianggap tidak lengkap, tidak tekal dan maklumat yang diperolehi adalah kurang baik (Abu Bakar Nordin;1987, Othman Mohamed,2000). Julie (1995), menyatakan sesuatu alat ukuran itu dianggap kukuh dan dipercayai apabila adanya pembuktian mengenai kesahan dan kebolehpercayaan.

Untuk tujuan itu, objektif kajian berikut telah dikemukakan iaitu:

1. Membina Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan (*7 Steps Recovery in Addiction Modul : 7-SRA*).
2. Menilai kesahan kandungan keseluruhan modul oleh pakar.
3. Mengkaji nilai kebolehpercayaan modul secara keseluruhan.

## **3.0 Metodologi Kajian**

### ***3.1 Reka bentuk***

Kajian ini adalah kajian tinjauan bertujuan untuk menilai tahap kesahan dan kebolehpercayaan modul dengan menggunakan soal selidik. Kajian ini dipilih kerana analisis kesemuanya dalam bentuk data kuantitatif yang boleh diukur. Oleh sebab itu pemilihan jenis kajian ini bertepatan dengan analisis data yang dilakukan bagi mendapatkan nilai pekali kebolehpercayaan dan kesahan Modul 7-SRA.

### ***3.2 Sampel dan populasi***

Tiga orang pakar dilantik untuk mendapatkan kesahan kandungan keseluruhan modul, manakala untuk menjawab kebolehpercayaan modul seramai 30 orang klien di bawah pengawasan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Tampin telah terlibat dipilih secara rawak. Kumpulan pakar yang dilantik untuk membuat penilaian terhadap kandungan modul adalah pakar yang mempunyai bidang kepakaran, pengalaman dan kesesuaian dengan modul yang dibina.

Kriteria pemilihan kepakaran adalah: (i) Kepakaran dan pengetahuan berkaitan dengan bidang agama Islam iaitu bidang dakwah dan pengurusan Islam (ii) Kepakaran dan pengetahuan berkaitan dengan bidang aqidah dan agama Islam (iii) Kepakaran dan pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling berkaitan penyalahgunaan dadah (iv). Mempunyai kepakaran dan pengetahuan berkaitan pembinaan modul penyelidikan. Profil panel pakar adalah seperti dalam jadual 1.3 berikut:

Jadual 1.3: Profil Panel Kesahan Pakar

<b>Bil.</b>	<b>Profil Ringkas</b>	<b>Institusi</b>	<b>Bidang Kepakaran</b>
1.	Prof Madya Dr (Pensyarah Universiti)	USIM	Dakwah dan Pengurusan Islam
2.	Prof Madya Dr (Pensyarah Universiti)	UPM	Psikologi & Kaunseling, Pembinaan modul.
3.	Dr (Pensyarah Universiti)	USIM	Aqidah dan Agama Islam

### **3.3 Alat ujian**


Bagi menguji kesahan modul, satu set soal selidik kesahan kandungan modul berdasarkan pandangan Russell (1974) yang telah diterjemahkan dan diubah suai oleh Sidek dan Jamaludin (2005) diberikan kepada pakar untuk menentukan tahap isi kandungan Modul 7-SRA. Skala penilaian ini ialah lima mata pilihan iaitu: 1 (sangat tidak bersetuju) hinggalah 5 (sangat setuju).

Bagi menguji kebolehpercayaan modul, penyelidik telah menyediakan set soal selidik yang mengandungi 60 item berdasarkan objektif-objektif aktiviti untuk menguji 7-SRA. Set soal selidik ini diisi oleh sampel setelah mereka mengikuti dan menghabiskan setiap aktiviti modul. Soal selidik dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah pekali alpha cronbach.

## 4.0 Dapatan Kajian

### 4.1 Deskripsi Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan (7 Steps Recovery in Addiction Modul : 7- SRA)

Model pembinaan modul Sidek Noah dan Jamaludin (2005) dijadikan sebagai rujukan kepada penyelidik untuk menulis, membina dan mengukur kesahan dan kebolehpercayaan agar kualiti modul dapat dijaga dan diguna pakai oleh mereka yang berautoriti mengendalikannya. Model ini melibatkan dua peringkat iaitu peringkat menyediakan draf modul dan peringkat mencuba dan menilai modul (Md.Noor Saper, Nurul Ain & Norazani Ahmad, 2016). Peringkat penyediaan draf mempunyai sembilan langkah bermula dengan membina matlamat sehinggalah penyatuan draf modul. Manakala peringkat kedua iaitu mencuba dan menilai modul. Model pendekatan pembinaan modul ini dapat dilihat dalam rajah 1 berikut:



Rajah 1: Model Reka Bentuk Pembinaan Modul Sidek dan Jamaludin  
(Sumber: Md.Noor Saper, Nurul Ain & Norazani Ahmad,2016)

Modul 7- SRA, memerlukan sembilan sesi bimbingan kelompok yang mengandungi 13 aktiviti. Ia dijalankan selama lapan belas minggu. Satu sesi bagi setiap dua minggu. Jarak selang seminggu digunakan supaya sampel kajian dapat mempraktikkan apa yang direspondeni secara berperingkat dan sistematik. Pecahan kandungan modul berdasarkan unit, aktiviti dan masa adalah seperti berikut:

<b>UNIT</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>MASA (MINIT)</b>
Langkah 1: Penerimaan Diri <b>(Sesi 1)</b>	1. Graf Kehidupan	90 minit
Langkah 2: Penyerahan Kepada Allah <b>(Sesi 2)</b>	2. Impianku	60 minit
	3. Senarai Semak Diri	20 minit
	4. Magic Word	20 minit
Langkah 2: Penyerahan Kepada Allah <b>(Sesi 3)</b>	5. Show Me The Way	60 minit
Langkah 3: Mengenal Diri dan Mengaku Kepada Allah <b>(Sesi 4)</b>	6. Profil Diri	45 minit
	7. Aku adalah aku	45 minit
Langkah 4: Bertanggungjawab Membetulkan Kesilapan Diri <b>(Sesi 5)</b>	8. Forgive Me	45 minit
	9. Ini langkahku	30 minit
Langkah 5: Usaha & Tawakal <b>(Sesi 6)</b>	10. Aku Boleh Berubah	90 minit
Langkah 5: Usaha & Tawakal <b>(Sesi 7)</b>	11. Sinaran Hati	90 minit
Langkah 6: Pengukuhan Diri Dengan Allah <b>(Sesi 8)</b>	12. I am Power	90 minit
Langkah 7: Mengekal & Meningkatkan Kepulihan <b>(Sesi 9)</b>	13. Transformasi Diri	90 minit
		<b>775 Minit</b>

#### ***4.2 Analisis Kesahan Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan (7 Steps Recovery in Addiction Modul : 7- SRA)***

Bagi membuat pengesahan kandungan Modul 7-SRA, dua cara digunakan iaitu (i) Pandangan oleh Rusell (1974) dan (ii) Pandangan tiga orang pakar. Menurut Rusell (1974) modul yang baik adalah memenuhi syarat-syarat dari aspek ketepatan sasaran populasi, situasi pengajaran sesuai, masa yang mencukupi, berlaku peningkatan prestasi dan berlaku perubahan sikap. Berdasarkan pandangan tersebut, Modul 7-SRA menepati sasaran populasi, situasi pelaksanaannya adalah baik, masa yang diperuntukkan bersesuaian dan terdapatnya perubahan tingkahlaku dan spiritual klien berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Apabila perbandingan langkah-langkah pembangunan, arahan-arahan dan standard pelaksanaan (Jamaludin, 2002) dibuat dengan langkah-langkah yang diberikan oleh Rusell (1974), dapatlah dirumuskan bahawa Modul 7-SRA mempunyai kesahan yang baik.

Seterusnya melalui pandangan pakar untuk menentukan kesahan modul ini, pakar merupakan seseorang yang mempunyai kelayakan dan hasil penulisan ilmiah yang telah dilakukan. Menurut Goodwin (2007), kesahan oleh pakar dilakukan bertujuan menentukan sama ada kandungan modul benar-benar diuji mengikut konstruk yang hendak diukur. Bagi modul ini kepakaran dari bidang psikologi kaunseling serta penyalahgunaan dadah, pakar modul dan pengetahuan agama Islam diambil kira sebagai pakar yang layak untuk membuat penilaian kesahan modul. Penyelidik telah menyediakan satu salinan lengkap modul 7-SRA yang mengandungi pengenalan, objektif umum modul, asas teori, kandungan keseluruhan dan lampiran-lampiran modul kepada setiap pakar untuk diteliti dan dinilai bagi penambahbaikan modul beserta set soal selidik kesahan kandungan modul Rusell (1974) yang telah diterjemahkan dan diubah suai oleh Sidek dan Jamaludin (2005). Berdasarkan maklum balas yang diberikan didapati semua pakar memberi komen positif bahawa modul ini menepati objektif-objektif yang telah ditetapkan dan diterima. Ini membuktikan bahawa modul ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi. Penilaian kesahan kandungan pakar adalah seperti di dalam jadual 1.4 berikut:



Jadual 1.4: Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar

<b>Pernyataan</b>	<b>Peratusan</b>	<b>Pandangan Pakar</b>
Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya	100	Diterima
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan Sempurna	93	Diterima
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	86	Diterima
Kandungan modul ini boleh memupuk nilai-nilai Islam dalam diri peserta	93	Diterima
Kandungan modul ini berpotensi untuk mengubah tingkahlaku peserta ke arah lebih baik	86	Diterima
<b>Jumlah Peratus Keseluruhan</b>	<b>92 %</b>	<b>Diterima</b>

Jadual 2 menunjukkan nilai kesahan kandungan berdasarkan kepada penilaian panel pakar (3 orang) dan kesemua pakar memberi maklum balas mengikut item-item yang dinyatakan. Peratusan minimum yang diperolehi ialah sebanyak 86 peratus iaitu terhadap pernyataan kandungan modul dengan masa yang diperuntukkan mendapat nilai skor yang sama dengan kandungan modul berpotensi untuk mengubah tingkahlaku peserta ke arah lebih baik. Manakala pernyataan kesesuaian modul menepati sasaran populasi adalah skor yang paling tinggi iaitu 100 peratus.

Apabila aras penguasaan atau pencapaian mendapat kesahan kandungan 70 peratus menurut Tuckman dan Waheed (1981) dalam Sidek & Jamaludin (2005), menunjukkan bahawa keputusan tersebut dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Cara pengiraannya adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (x)}}{\text{Jumlah Skor Sebenar (y)}} \times 100\% = \text{Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan}$$

Oleh yang demikian, didapati modul ini menunjukkan peratusan keseluruhan kesahan kandungan sesi iaitu 92 peratus dan membuktikan kandungan modul ini 7-SRA adalah bertepatan dan bersesuaian dengan sasaran modul.

### **4.3 Analisis Kebolehpercayaan Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan (7 Steps Recovery in Addiction Modul : 7- SRA)**

Rusell (1974) telah menjelaskan bahawa untuk menguji kebolehpercayaan sesuatu modul, perlu melihat sejauh mana responden dapat mengikuti setiap aktiviti di dalam modul itu dan akan menentukan bahawa responden telah menguasai objektif modul tersebut. Oleh yang demikian untuk menentukan nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu modul, item item soalan boleh dicipta berdasarkan kepada langkah-langkah aktiviti dan objektif setiap sesi dalam modul tersebut (Jamaludin, 2008). Bagi 7-SRA penyelidik telah menggunakan item-item soalan kebolehpercayaan dengan menggunakan objektif aktiviti.

Bagi menguji kebolehpercayaan modul, responden menjawab soal selidik kebolehpercayaan modul yang mengandungi 60 item. Data-data yang diperolehi daripada soal selidik telah dianalisis untuk mendapatkan pekali Alpha Cronbach. Keputusan yang diperolehi dengan menggunakan kaedah ini menunjukkan kesemua nilai pekali kebolehpercayaan adalah diterima pakai. Ia bertekalan dengan pandangan Kaplan dan Saccuzzo (2001) yang menyatakan nilai kebolehpercayaan antara .7 hingga .8 adalah nilai yang baik untuk kebanyakan tujuan asas penyelidikan. Manakala Chua (2006) pula menyatakan nilai pekali kepercayaan yang lebih daripada .60 merupakan nilai yang sesuai dan sering digunakan oleh kebanyakan pengkaji. Chua (2006) juga menjelaskan, nilai alpha .65 hingga .96 dianggap memuaskan.

Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach secara keseluruhannya untuk Modul 7SRA adalah .98 (rujuk jadual 1.5). Ini cukup mengesahkan bahawa modul ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1.5: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Modul

	<b>N</b>	<b>Mean</b>	<b>Nilai alpha</b>
Modul latihan 7-SRA	27	4.242	0.984

## 5.0 Perbincangan

Modul 7-SRA boleh dianggap sebagai modul yang lengkap kerana ia telah melalui kajian kesahan dan kebolehpercayaan bertepatan dengan prosedur pembinaan modul model Sidek (Sidek & Jamaludin, 2005) yang mana modul yang bermutu dan dianggap lengkap setelah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Dalam pembinaan modul latihan dan intervensi, pengkaji-pengkaji sebelum ini turut melakukan ujian kesahan bagi memastikan kandungan modul yang mereka telah bina benar-benar menepati keperluan dan boleh digunakan kepada sasaran populasi. Pengkaji-pengkaji berkenaan termasuklah kajian pembinaan modul oleh Jamaludin Ahmad, Aminuddin Hassan dan Nohasni (2008), Mohammad Aziz Shah et.al (2015) dan Md.Noor Saper et al. (2016).

Kesahan modul melalui kesahan kandungan oleh penilai luar telah dilakukan terhadap modul 7-SRA. Dapatan daripada kesahan kandungan oleh pakar mendapati kandungan modul 7-SRA merangkumi kandungan modul yang sewajarnya, sesuai dengan sasaran populasi, menepati objektif yang telah digariskan di samping peruntukan masa yang bersesuaian. Perkara ini sesuai dengan pandangan Russel (1974), bagi sesuatu modul penilaian kesahan hendaklah mempunyai lima perkara iaitu: a) Menepati sasaran populasi; b) Situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian; c) Masa yang diperuntukkan untuk menjalankan atau kaedah pelaksanaan modul adalah mencukupi; d) Modul berjaya menyebabkan berlakunya peningkatan pencapaian responden dalam aspek nilai-nilai Islam dan e) Modul berjaya mengubah sikap responden ke arah tingkahlaku yang baik.

Dapatan kebolehpercayaan 7-SRA keseluruhan adalah baik melebihi aras 0.60 iaitu 0.984. Menurut Mohd Majid (2000), sekiranya nilai kebolehpercayaan yang diperolehi tinggi, paling minima 0.60 bermakna modul 7-SRA mempunyai tahap konsistensi yang baik. Ini bermakna 7-SRA boleh diterima dan dipercayai serta boleh digunakan dalam program keputihan dalam komuniti aftercare.

Kajian ini telah membawa satu kerangka teoretikal yang komprehensif dalam pendekatan bimbingan psikospiritual Islam. Pemikiran Imam Al-Ghazali berkaitan proses *tazkiyat al-nafs* telah dijadikan asas dan sandaran teori dalam pembinaan modul 7-SRA. Pemikiran Al Ghazali berkaitan penyucian diri begitu komprehensif yang meletakkan pembentukan diri secara bertahap dan mengatakan bahawa elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal) juga dipengaruhi oleh faktor latar diri seseorang (Al-Ghazali, 1998; Md.Nooor et.al, 2016). Selain itu juga, melalui modul ini dapat membuktikan modul keagamaan khususnya dari perspektif Islam boleh dibangunkan secara empirikal sepertimana mengikut panduan dan prosedur pembinaan modul.

Secara keseluruhannya kajian ini menjelaskan tentang kesahan dan kebolehpercayaan modul. Berdasarkan dapatan, kesahan modul 7-SRA adalah tinggi berdasarkan kepada penilaian pakar (92 %) dan nilai pekali kebolehpercayaan modul juga (0.98) adalah tinggi. Ini menunjukkan modul ini mampu memberikan implikasi yang signifikan dalam membantu menangani isu keputihan dalam kalangan komuniti aftercare.

## **6.0 Implikasi Modul 7 langkah Kepulihan**

Hasil kajian ini, memberi implikasi kearah pengukuhan spiritualiti dan amalan agama Islam dalam kalangan bekas penagih dadah melalui latihan berasaskan bimbingan rawatan dengan pendekatan psikologikal dan agama Islam diberikan secara berperingkat serta aplikasi secara menyeluruh dalam usaha menangani isu tingkahlaku penagihan semula dalam kalangan komuniti.

Selain itu juga, didapati isi kandungan modul ini menepati kehendak agama dan keperluan sasaran. Kandungan modul 7-SRA disusun dan disatukan mengikut tahap perkembangan bermula dari pra sesi sehinggalah kepada penamatan seperti yang dicadangkan oleh kajian Nik Zaharah (2007) dan Mohammad Aziz Shah et.al (2014) yang mengatakan isi kandungan sesuatu modul perlu disenaraikan, dipilih dan disaring agar benar-benar bersesuaian dan bertepatan. Ini penting bagi memastikan ia dapat mencapai objektif yang ditentukan.

Walaupun kajian ini menunjukkan modul 7-SRA mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi namun dari segi pelaksanaan modul tidak semestinya memberikan hasil seperti yang diharapkan kerana perlu melihat pengalaman klien di luar sesi selepas mengikuti modul dan apakah elemen atau langkah dalam modul yang membantu pemulihan.

Seterusnya bagi memperkasakan lagi pelaksanaan modul, maka perlunya satu latihan *training of trainers (TOT)* diberikan kepada fasilitator iaitu pegawai dan pembimbing rakan sebaya (PRS) yang akan mengendalikan modul supaya cara dan kaedah pelaksanaan mengikut piawaian yang ditentukan. Selain dicadangkan juga agar penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) yang profesional seperti Persatuan Kaunselor Penyalahgunaan Dadah Malaysia (MADAC) dapat membantu dalam keberkesanan pelaksanaan modul 7-SRA.

Oleh yang demikian, modul yang dibina ini adalah sesuai dan boleh digunapakai oleh kaunselor, pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan orang perseorangan serta salah satu program Psikospiritual Islam alternatif yang ada kepada klien dalam menyokong pemulihan dalam komuniti.

## **7.0 Rumusan**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat memberi sumbangan dengan terbinanya modul yang telah dinilai kesahan dan kebolehpercayaannya dengan menggunakan kaedah sistematik mengikut prosedur penghasilan modul secara ilmiah dan saintifik. Modul ini juga mempunyai kekuatan dari sudut kerangka teori yang jelas dan tepat. dan dapatan kajian membuktikan bahawa modul ini mempunyai kesahan dan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh sebab itu Modul latihan 7 langkah pemulihan dalam penagihan (*7 Steps Recovery in Addiction Modul: 7-SRA*) telah bersedia untuk diuji keberkesannya. Proses seterusnya ini perlu dilakukan bagi mendapatkan sebuah modul yang benar-benar berkualiti tinggi.

### **PENGHARGAAN:**

Penyelidikan ini dibiayai oleh geran penyelidikan ilmiah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Dalam Negeri. (Kod Penyelidikan: USIM/AADK/FKP/ACREDA/052003/40517)

## 8.0 Rujukan

Abu Bakar Nordin (1987). Asas Penilaian Pendidikan Petaling Jaya: Longman Malaysia.Sdn.Bhd.

Agensi Antidadah Kebangsaan (2016). Drug user statistic in Malaysia January-October. Malaysia: National Narcotics Drug-Ministry of Home Affairs.

Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1998) Ihya' Ulum al-Din. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.

Amin Al-Haadi bin Shafie, M. R. (2016). Model Rawatan Penyalahgunaan Dadah Di Malaysia. Malaysia: Acreda & Perkama.

Chua Yan Piaw. (2006). Asas Statistik Penyelidikan. Buku 2. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

Goodwin, C. J. (2007). Research in Psychology Methods and Design. New York: John Wiley and Sons.

Jamaludin Ahmad. (2002). Kesahan, Kebolehpercayaan dan Keberkesanan Modul Program Maju Diri Ke Atas Motivasi Pencapaian Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Selangor. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.

Jamaludin Ahmad. (2008). Modul dan Pengendalian Bimbingan Kelompok. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.

Jamaludin Ahmad, Aminuddin Hassan dan Nohasni (2008), Validity and Reliability of a Drug Addiction Module among Drug Addicts Who Are Undergoing Treatment at Rehabilitation Centres. The Journal of International Social Research. Volume 1/5.

Julie, C. (1995). The Theory of Assessment:An Introduction.London:Kogen Page Limited.

Kaplan,R.M & Saccuzzo.D.P (2001). Psychology testing:Principles,Application and Issue.California:Brooks/Cole Publishing Company.

Md Noor Saper, Nurul Ain M.D & Norazani A. (2016). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) Ke Atas Pelajar Bermasalah Tingkah Laku, International Journal of Islamic Thought, Vol. 9: (June) 2016

Mohammad Aziz Shah, Muzaffar Syah, Abdul Malek, Ahmad Jazimin, Syed Sofian & Muhammad Bazlan (2015). Kesan Program Pencegahan Dadah Berasaskan Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran (PCP) ke atas Daya Tahan dan Kelangsangan Dalam Kalangan Belia Berisiko.Jurnal Antidadah Malaysia, Jilid 9 No.1

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Md. Noor Saper, Samsiah Jais, Aslina Ahmad, Nurul Yakin Supeni. (2014). Pembinaan Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Transfromasi Ehsan Pusat Perlidungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Geran Penyelidikan MAIS.

Nik Zaharah Nik Yaacob. (2007). Kajian Penerapan Nilai Murni Menerusi Pengajaran Bermodul. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

News, A. A. (2017, February 24). Konsep inabah diperluas atasi masalah penagihan dadah-TPM. Retrieved from Astro Awani: Berita Malaysia: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/konsep-inabah-diperluas-atasi-masalah-penagihan-dadah-tpm-133545>

Othman Mohamed (2000). Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling. Serdang:Universiti Putra Malaysia.

Raiya.H.A & Kenneth I (2011). Pargament. "Empirically Based Psychology of Islam: Summary and Critique of the Literature." *Mental Health, Religion and Culture* 14: 93–115.

Rushdan & Ahmad (2015). Integrasi terapi psikospiritual Islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan TC (Therapeutic Community). *International Drug Prevention and Rehabilitation Conference (Prevent 2015)* Pg 15-16.

Rusell, J.D (1974). *Modular Instruction: A guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. New York: Publishing Company.

Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad & (2005). *Pembinaan Modul: bagaimana membina modul akademik dan modul latihan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Tuckman.B.C & Waheed, M.A (1981). Evaluating an Individualized science programme for community college student's .*Journal of research in science teaching* 18:489-495.